



NEGERI TERENGGANU

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF TERENGGANU GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
No. 17

18hb Ogos 2005

*TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN*

Tr. P.U.7.

ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002

PERATURAN-PERATURAN MINERAL TERENGGANU 2005

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa.

BAHAGIAN II

PEMINDAHMILIKAN, PELESENAN DAN PEMAJAKAN TENEMEN MINERAL

Bab 1 — Pemindahmilikan Tenemen Mineral

2. Permohonan untuk pemindahmilikan tenemen mineral.
3. Kelulusan.
4. Fi pemindahmilikan.

Peraturan

Bab 2 — Lesen Memfosik

5. Tafsiran.
6. Kelayakan.
7. Permohonan bagi lesen memfosik.
8. Kelulusan
9. Fi pengeluaran.
10. Syarat-syarat.
11. Penyerahan dan pembatalan.

Bab 3 — Lesen Mendulang

12. Permohonan bagi lesen mendulang.
13. Kelulusan.
14. Fi pengeluaran.
15. Syarat-syarat.
16. Penyerahan dan pembatalan.

Bab 4 — Lesen Melombong Individu

17. Permohonan lesen melombong individu.
18. Kelulusan.
19. Fi pengeluaran.
20. Syarat-syarat.
21. Penyerahan dan pembatalan.

Bab 5 — Lesen Mencarigali Dan Lesen Penjelajahan

22. Peta Rasmi Tenemen Mineral dan Sistem Grid Berangka.
23. Sempadan.
24. Kawasan lesen mencarigali.
25. Kawasan lesen penjelajahan.

Peraturan

26. Permohonan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
27. Kelulusan.
28. Fi pengeluaran.
29. Syarat-syarat lesen mencarigali.
30. Syarat-syarat lesen penjelajahan.
31. Syarat-syarat berkanun lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.
32. Permohonan pembaharuan.
33. Kelulusan.
34. Permohonan lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.
35. Kelulusan.
36. Syarat-syarat lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.
37. Fi pembaharuan.
38. Pelepasan sukarela.
39. Notis bagi penjelajahan lapangan.
40. Penyerahan.

Bab 6 — Pajakan Melombong

41. Permohonan pajakan melombong.
42. Kelulusan.
43. Penukaran skala besar kepada skala kecil dan sebaliknya.
44. Fi pengeluaran.
45. Pembaharuan pajakan melombong.
46. Syarat-syarat berkanun pajakan melombong.
47. Kelulusan.
48. Notis.
49. Penyerahan pajakan melombong.

Peraturan

Bab 7 — Lesen Melombong Tuan Punya

50. Permohonan lesen melombong tuan punya.
51. Kelulusan.
52. Fi pengeluaran.
53. Pembaharuan lesen melombong tuan punya.
54. Notis.
55. Penyerahan lesen melombong tuan punya.

BAHAGIAN III

PAMPASAN

56. Permohonan pampasan.
57. Penentuan amaun pampasan yang kena dibayar.

BAHAGIAN IV

OBLIGASI KEWANGAN

58. Kadar fi pegangan dan sewa.
59. Pembayaran fi pegangan dan sewa.
60. Kadar royalti.
61. Penentuan nilai pasaran mineral.
62. Pembayaran Royalti.
63. Notis tuntutan tunggakan sewa, fi dan royalti.

BAHAGIAN V

PERUNTUKAN MENGENAI AIR

64. Permohonan lesen air.
65. Kelulusan.
66. Fi pengeluaran.
67. Permohonan permit air.
68. Kelulusan.
69. Fi pengeluaran.
70. Permohonan pembaharuan permit air.

Peraturan

71. Kelulusan.
72. Notis.
73. Permohonan pampasan.
74. Penentuan pampasan.
75. Permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing sungai.
76. Permohonan untuk mengubah atau mengganggu anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter.
77. Standard air.

BAHAGIAN VI

MEREKOD DAN PENDAFTARAN

78. Fi pengeluaran.
79. Akuan penerimaan.
80. Fi pemeriksaan.

BAHAGIAN VII

PEMULIHAN

81. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong.
82. Pembayaran sejumlah wang tahunan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama.
83. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama.

BAHAGIAN VIII

AM

84. Pergerakan bijih mineral.
85. Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun.
86. Pemindahan jentara pengorek.
87. Notis mengenai siasatan.
88. Pemansuhan dan peralihan.

JADUAL.

ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002

PERATURAN-PERATURAN MINERAL TERENGGANU 2005

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 188 Enakmen Mineral (Terengganu) 2002 [*Enakmen No. 8, 2002*] Pihak Berkuasa Negeri Terengganu dengan ini membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan sebagai **Peraturan-Peraturan Mineral Terengganu 2005**.
- (2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2005.

BAHAGIAN II

PEMINDAHMILIKAN, PELESENAN DAN PEMAJAKAN TENEMEN MINERAL

*Bab 1 — Pemindahmilikan Tenemen Mineral***Permohonan untuk pemindahmilikan tenemen mineral**

2. (1) Sesuatu permohonan bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral di bawah subseksyen 19(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Ketiga.
- (2) Fi yang kena dibayar untuk permohonan bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral di bawah subperaturan (1) adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

3. Jika sesuatu permohonan bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral di bawah peraturan 2 telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Fi pemindahmilikan

4. Fi yang kena dibayar bagi pemindahmilikan suatu tenemen mineral di bawah perenggan 19(6)(a) Enakmen, selain daripada pajakan melombong, hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

*Bab 2 — Lesen Memfosik***Tafsiran**

5. Bagi tujuan Bahagian ini, “peralatan atau jentera” ertinya sebarang peralatan atau jentera yang dikendalikan secara mekanikal, hidraulik, pneumatik atau kuasa elektrik berupaya untuk menggali atau merobek permukaan atau subpermukaan; dan termasuk jentolak, pembajak, pengorek kaut, jentali, pam penyedut, kapal korek, pengikis kabel, penyodok muka kerja, jentera angkut bahagian depan atau jentera angkut gantung, pengaup, pencekau, roda sauk, jenkaut, pengorek parit, pengged tanah dan lain-lain peralatan atau jentera yang serupa.

Kelayakan

6. Suatu lesen memfosik tidak akan diberikan kepada seseorang orang yang terlibat secara komersial sebagai tukang emas, lapidari, pengumpul mineral atau peniaga batu permata, batu separa bernilai atau mineral atau benda-benda lain yang serupa.

Permohonan bagi lesen memfosik

7. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen memfosik di bawah subseksyen 21(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Ketiga.

(2) Jika pemohon bercadang untuk memfosik dalam satu kawasan yang termasuk di dalam mana-mana tanah bermilik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencarigali atau penjelajahan, kebenaran bertulis daripada tuan punya, penerima pajak atau pemegang lesen hendaklah dilampirkan bersama-sama permohonan.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan bagi suatu lesen memfosik di bawah subperaturan (1) adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

8. Pengarah boleh sama ada melulus atau menolak permohonan bagi suatu lesen memfosik sebagaimana subperaturan 7(1).

Pembayaran fi

9. Fi yang kena dibayar untuk pengeluaran suatu lesen memfosik di bawah subseksyen 21(5) Enakmen adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat

10. Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat yang ditetapkan dalam Enakmen, atau dinyatakan dalam lesen memfosik, pemegang lesen tersebut—

- (a) hendaklah memastikan bahawa tapak yang telah difosik hendaklah ditinggalkan dalam keadaan bersih dan kemas dan apa-apa gangguan pada tanah dipulihkan dengan munasabah kepada keadaan sebelumnya;
- (b) hendaklah memastikan bahawa tiada aliran keluar atau saliran daripada aktiviti-aktiviti memfosik yang dijalankan menghakis atau mencemar mana-mana tanah dan tiada detritus, kotoran, lumpur, sampah atau air daripada aktiviti-aktiviti tersebut menjadi kesulitan atau gangguan awam;

- (c) hendaklah tidak menggunakan apa-apa bahan letupan atau apa-apa peralatan atau jentera yang dikendalikan dengan kuasa;
- (d) hendaklah memastikan bahawa aktiviti memfosik tidak mengganggu penggunaan atau kenikmatan kawasan tersebut oleh orang lain;
- (e) hendaklah menghadkan pemindahan bahan dari kawasan berkenaan kepada kuantiti tidak melebihi 50 kilogram, kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (f) hendaklah tidak membuat, menggali atau mengorek 1 meter di bawah permukaan kecuali dengan kebenaran daripada Pengarah;
- (g) hendaklah tidak berada atau bekerja dalam, apa-apa lubang atau penggalian atau pada kedalaman lebih daripada 2 meter di bawah permukaan kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (h) hendaklah tidak membina apa-apa struktur, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah; dan
- (i) hendaklah tidak bekerja selepas 0600 petang kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah.

Penyerahan dan pembatalan

11. (1) Lesen memfosik boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri tentang sebarang pembatalan suatu lesen memfosik sebagaimana subperaturan (1).

Bab 3 — Lesen Mendulang

Permohonan bagi lesen mendulang

12. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen mendulang di bawah subseksyen 28(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 3 Jadual Ketiga.

(2) Jika pemohon bercadang untuk mendulang dalam suatu kawasan yang termasuk dalam mana-mana tanah bermilik, tanah pendudukan, tanah lombong, kawasan mencarigali atau penjelajahan, kebenaran bertulis daripada tuan punya, penerima pajak atau pemegang lesen hendaklah dilampirkan bersama-sama permohonan.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan bagi suatu lesen mendulang adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

13. Pengarah boleh sama ada melulus atau menolak permohonan bagi suatu lesen mendulang di bawah subperaturan 12(1).

Pembayaran fi

14. Fi yang kena dibayar untuk pengeluaran suatu lesen mendulang di bawah subseksyen 28(5) Enakmen adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat

15. Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat yang ditetapkan dalam Enakmen, atau dinyatakan dalam lesen mendulang, pemegang lesen tersebut—

- (a) hendaklah mengambil tindakan berjaga-jaga dan menggunakan peralatan perlindungan peribadi yang bersesuaian dengan bahaya rupa bumi;
- (b) hendaklah tidak menggali parit atau lubang lebih dalam daripada 1 meter kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (c) hendaklah tidak memasuki kawasan-kawasan kerja lombong lama;
- (d) hendaklah tidak bekerja selepas 0600 petang kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (e) hendaklah tidak membina apa-apa struktur kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
- (f) hendaklah tidak menggunakan apa-apa bahan kimia yang merosakkan tumbuhan dan manusia kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah.

Penyerahan dan pembatalan

16. (1) Lesen mendulang boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mengenai apa-apa pembatalan suatu lesen mendulang di bawah subperaturan (1)

*Bab 4 — Lesen melombong Individu***Permohonan bagi lesen melombong individu**

17. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen melombong individu di bawah subseksyen 35(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 4 Jadual Ketiga.

(2) Pengarah boleh meminta pemohon mengemukakan apa juga maklumat yang dia fikirkan perlu.

(3) Fi yang kena dibayar untuk permohonan bagi suatu lesen melombong individu adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Kelulusan

18. Pengarah boleh sama ada melulus atau menolak permohonan bagi suatu lesen melombong individu di bawah subperaturan 17(1).

Pembayaran fi

19. Fi yang kena dibayar untuk pengeluaran suatu lesen melombong individu di bawah subseksyen 35(4) Enakmen adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Syarat-syarat

20. Sebagai tambahan kepada apa-apa syarat yang ditetapkan dalam Enakmen, atau dinyatakan dalam lesen melombong individu, pemegang lesen tersebut—

- (a) hendaklah mengambil tindakan berjaga-jaga dan menggunakan peralatan perlindungan peribadi yang bersesuaian dengan bahaya rupa bumi;
- (b) hendaklah mempunyai akses yang pantas dan mudah kepada alat pertolongan cemas yang bersesuaian;
- (c) hendaklah menupang dinding suatu penggalian atau suatu parit yang digali yang kedalamannya melebihi satu (1) meter kecuali kebenaran bertulis diperolehi terlebih dahulu daripada Pengarah;
- (d) hendaklah tidak bekerja selepas 0600 petang kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Pengarah;
- (e) hendaklah tidak menggunakan apa-apa bahan kimia yang merosakkan tumbuhan dan manusia kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pengarah; dan
- (f) hendaklah tidak melepaskan detritus, kotoran, lumpur atau sampah daripada aktiviti-aktiviti perlombongan ke dalam mana-mana sistem saliran atau anak sungai.

Penyerahan dan pembatalan

21. (1) Lesen melombong individu boleh diserahkan oleh pemegangnya kepada Pengarah untuk pembatalan pada bila-bila masa sebelum tamat tempohnya.

(2) Pengarah hendaklah memberitahu Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri dan Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri mengenai apa-apa pembatalan suatu lesen melombong individu di bawah subperaturan (1).

*Bab 5 — Lesen Mencarigali dan Lesen Penjelajahan***Peta Rasmi Tenemen Mineral dan Sistem Grid Berangka**

22. (1) Suatu permohonan bagi suatu lesen mencarigali atau penjelajahan hendaklah menyatakan kawasan yang dipohon berdasarkan kepada kawasan-kawasan yang ada seperti yang ditandakan dalam Peta Tenemen Mineral Rasmi yang ada pada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Peta Tenemen Mineral Rasmi adalah Siri-siri Peta Topografi Malaysia (Baru) yang berskala 1:63,360 atau 1:50,000 yang di atasnya hendaklah mempunyai cap rasmi dan tandatangan Pengarah pada penjuru kiri atas dan penjuru kanan bawah peta tersebut.

(3) Pengarah hendaklah menandakan di atas Peta Tenemen Mineral Rasmi:

- (a) tanah-tanah yang mana lesen-lesen mineral dan pajakan sedang berkuat kuasa;
- (b) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan-kawasan di mana tenemen mineral tidak boleh dikeluarkan;
- (c) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan lesen melombong individu;
- (d) tanah-tanah yang diwartakan sebagai Taman Negeri atau Negara;
- (e) tanah-tanah yang diwartakan sebagai kawasan hutan simpan dan tanah-tanah rizab lain; dan
- (f) jika diketahui, mana-mana tanah bermilik, tanah pendudukan atau tanah lain yang memerlukan terma dan syarat khas dipenuhi sebelum kelulusan diberikan untuk menjalankan carigali dan/atau penjelajahan.

(4) Peta Tenemen Mineral Rasmi hendaklah tersedia untuk rujukan atas permintaan di pejabat Pengarah.

(5) Grid (meter) hendaklah disusun di atas Siri-siri Peta Topografi Malaysia (Baru) berskala 1:63,360 atau 1:50,000.

(6) Sistem Numerik Grid hendaklah digunakan sebagai asas untuk penentuan sempadan lesen penjelajahan dan lesen mencarigali dan semua pengiraan yang berkaitan dengan keperluan perbelanjaan kerja.

(7) Unit asas bagi Grid hendaklah suatu blok 1,000 meter kali 1,000 meter dan hendaklah dinamakan suatu "unit" sebagaimana di Jadual Kedua.

(8) Setiap unit hendaklah dikenalpasti seperti dalam Jadual Kedua.

Sempadan

23. Semua sempadan bagi lesen penjelajahan dan lesen mencarigali hendaklah mengunjur tegak ke bawah.

Kawasan suatu lesen mencarigali

24. (1) Keluasan minimum kawasan suatu lesen mencarigali adalah satu perempat unit (25 hektar) dan keluasan maksimum adalah empat unit (400 hektar).

(2) Suatu kawasan lesen mencarigali hendaklah, di mana mungkin, berbentuk segi empat tepat.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bentuk suatu kawasan lesen mencarigali boleh menyimpang daripada suatu segi empat tepat untuk mengambilkira kawasan-kawasan hakmilik berdampingan atau tanah-tanah lain yang mempunyai sekatan hakmilik.

Kawasan lesen penjelajahan

25. (1) Keluasan minimum kawasan suatu lesen penjelajahan adalah empat unit (400 hektar) dan keluasan maksimum adalah 200 unit (20,000 hektar).

(2) Suatu kawasan lesen penjelajahan hendaklah, di mana mungkin, berbentuk segi empat tepat dan panjangnya hendaklah tidak melebihi empat kali lebarnya.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), bentuk suatu kawasan lesen penjelajahan boleh menyimpang daripada suatu segi empat tepat untuk mengambilkira kewujudan kawasan-kawasan hakmilik berdampingan atau tanah-tanah lain yang mempunyai sekatan hakmilik.

Permohonan bagi lesen mencarigali atau lesen penjelajahan

26. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 41(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5A atau 6A Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi yang dikenakan dibayar seperti yang ditetapkan di bawah subperaturan (1) dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Jika kawasan yang dipohon dalam permohonan bagi suatu lesen mencarigali atau penjelajahan bertindih, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan suatu kawasan yang dikenakan dengannya suatu lesen mencarigali, lesen penjelajahan atau pajakan melombong sedang berkuat kuasa, atau dengan suatu kawasan lesen melombong individu atau dengan suatu kawasan yang ditutup kepada tenemen mineral, kawasan tersebut akan dikeluarkan daripada pertimbangan dan pemohon hendaklah diberitahu mengenai pertindihan tersebut dengan seberapa segera yang praktik oleh Pengarah.

(4) Semua permohonan bagi lesen mencarigali dan lesen penjelajahan hendaklah dipertimbangkan atas dasar suatu kelompok tiga bulan.

(5) Hari bekerja terakhir bagi setiap suku tahun dalam tahun kalendar berkenaan adalah Tarikh Kelompok Suku Tahunan.

(6) Suatu permohonan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah dianggap mempunyai Tarikh Kelompok Suku Tahunan yang mengakhiri tempoh suku tahun dalam mana permohonan itu didaftarkan.

Kelulusan

27. Jika sesuatu permohonan bagi suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Pembayaran fi

28. (1) Fi yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 41(7) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Suatu fi pegangan tahunan, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, hendaklah juga dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subperaturan (1) dan pada atau sebelum setiap tarikh ulang tahun pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan.

Syarat-syarat lesen mencarigali

29. (1) Tertakluk kepada perenggan 41(7)(a) dan perenggan 42(1)(a) Enakmen, pemegang suatu lesen mencarigali—

- (a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan suatu laporan kemajuan mencarigali seperti yang ditetapkan dalam Format 1 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku suatu tahun kalendar;
- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan suatu laporan akhir mencarigali seperti yang ditetapkan dalam Format 2 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh tamat lesen berkenaan;
- (c) hendaklah membelanjakan pada setiap tahun, amaun seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kelima; dan
- (d) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah setiap tahun, lima salinan suatu kenyataan pelepasan dan perbelanjaan kerja tahunan seperti yang ditetapkan dalam Borang 5D Jadual Ketiga pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen berkenaan.

(2) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun melebihi perbelanjaan yang ditetapkan, amaun lebihan tersebut boleh digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan untuk tahun-tahun berikutnya.

(3) Jika amaun yang dibelanjakan kurang daripada keperluan perbelanjaan yang ditetapkan bagi memegang kawasan-kawasan yang ingin dikekalkan, pemegang, sebelum tarikh ulang tahun lesen mecarigalnya:

- (a) hendaklah menanda dengan jelas kawasan-kawasan untuk pelepasan; dan/atau
- (b) hendaklah membuat suatu pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri, di pejabat Pengarah, yang cukup untuk menampung jumlah kekurangan tersebut.

Syarat-syarat lesen penjelajahan

30. (1) Tertakluk kepada perenggan 41(7)(b) dan perenggan 42(1)(a) dan (e) Enakmen, pemegang suatu lesen penjelajahan—

- (a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan suatu laporan kemajuan suku tahunan seperti yang ditetapkan dalam Format 3 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku suatu tahun kalendar;
- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan suatu laporan kerja tahunan seperti yang ditetapkan dalam Format 4 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen berkenaan;

- (c) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan suatu laporan akhir penjelajahan seperti yang ditetapkan dalam Format 5 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh tamat lesen penjelajahan;
- (d) hendaklah membelanjakan pada setiap tahun, amaun seperti yang ditetapkan dalam Jadual Keenam; dan
- (e) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah setiap tahun, lima salinan suatu kenyataan pelepasan dan perbelanjaan kerja seperti yang ditetapkan dalam Borang 6c Jadual Ketiga pada atau sebelum tarikh ulang tahun lesen berkenaan.

(2) Jika amaun yang dibelanjakan dalam mana-mana tahun melebihi perbelanjaan yang ditetapkan, amaun lebih tersebut boleh digunakan untuk memenuhi keperluan perbelanjaan untuk tahun-tahun berikutnya sehingga maksimum tiga (3) tahun berikut ke atas mana-mana unit.

(3) Jika amaun yang dibelanjakan kurang daripada keperluan perbelanjaan yang ditetapkan bagi memegang kawasan-kawasan yang ingin dikekalkan, pemegang, sebelum tarikh ulang tahun lesen penjelajahannya:

- (a) hendaklah menanda dengan jelas kawasan-kawasan untuk pelepasan; dan/atau
- (b) hendaklah membuat suatu pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak dikembalikan kepada Pihak Berkuasa Negeri, di pejabat Pengarah, yang cukup untuk menampung jumlah kekurangan tersebut.

(4) Walau apa pun subperaturan (3), pembayaran tunai jumlah kekurangan yang tidak dikembalikan yang berkenaan dengan mana-mana lesen penjelajahan hendaklah tidak boleh lebih daripada dua tahun berturut-turut bagi lesen tersebut.

(5) Jika, akibat daripada pelepasan, unit-unit terpisah menjadi blok-blok yang tidak berdampingan, unit-unit berkenaan hendaklah terus tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang sama dengan lesen penjelajahan asal seolah-olah ia tidak dipisahkan.

Syarat-syarat berkanun lesen mencarigali atau lesen penjelajahan

31. Pemegang suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah di bawah perenggan 42(1)(c) Enakmen patuh kepada standard alam sekitar seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 [*Akta 127*].

Permohonan pembaharuan

32. (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 43(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 5B atau 6B Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tertakluk kepada subseksyen 43(3) Enakmen, permohonan pembaharuan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi permohonan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat di bawah perenggan 43(6)(i) Enakmen seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan ke atas permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) selepas tempoh minima untuk memperbaharui lesen telah habis tempoh seperti mana yang diperuntukkan di dalam subseksyen 43(2) Enakmen.

Kelulusan

33. Jika sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Permohonan lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras

34. (1) Jika, dalam tempoh lesen mencarigali yang diperbaharui, pemegang boleh membuktikan kepada Pihak Berkuasa Negeri, bahawa suatu sasaran penjelajahan batuan keras yang sah telah ditentukan, dan ianya memerlukan penjelajahan tambahan melampaui tarikh tamat lesen mencarigali yang diperbaharui, dia boleh di bawah subseksyen 45(1) Enakmen memohon mendapatkan suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras hendaklah dibuat dalam subperaturan (1) Borang 5c Jadual Ketiga dan hendaklah didaftarkan apabila pembayaran fi permohonan seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

35. Jika sesuatu permohonan di bawah subperaturan 34(1) bagi suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Syarat-syarat lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras

36. Tertakluk kepada subseksyen 45(2) Enakmen, pemegang lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras hendaklah meneruskan dengan penjelajahan batuan keras di bawah terma-terma dan syarat-syarat yang sama yang mana hendaklah termasuk keperluan pelaporan dan perbelanjaan, kecuali had-had keluasan minimum lesen penjelajahan hendaklah tidak terpakai kepada lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.

Pembaharuan fi

37. (1) Fi yang kena dibayar bagi pembaharuan suatu lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau bagi suatu lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras di bawah perenggan 46(1)(i) dan (ii) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Tertakluk kepada perenggan 46(1)(ii) Enakmen, suatu fi pegangan tahunan, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, hendaklah juga dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras.

Pelepasan sukarela

38. Pemberitahuan untuk melepaskan mana-mana kawasan mencarigali atau penjelajahan di bawah seksyen 50 Enakmen yang berkaitan dengan lesen yang telah diberikan hendaklah dibuat dalam Borang 5D atau 6c Jadual Ketiga mengikut mana-mana yang berkenaan.

Notis bagi penjelajahan lapangan

39. (1) Notis bagi permulaan penjelajahan lapangan yang berkaitan dengan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah subseksyen 52(3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7A Jadual Ketiga.

(2) Notis penemuan yang berkaitan dengan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan di bawah seksyen 53 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7B Jadual Ketiga.

(3) Notis yang perlu disampaikan atau menyebabkan ia disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas semua pihak yang dirujuk di bawah subseksyen 56(2) dan (3) Enakmen tentang niatnya untuk membatalkan lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah dibuat dalam Borang 7C Jadual Ketiga.

(4) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran di bawah perenggan 57(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 7D Jadual Ketiga.

Penyerahan

40. (1) Pemegang suatu lesen mencarigali atau lesen mencarigali dengan peluasan batuan keras atau lesen penjelajahan boleh pada bila-bila masa di bawah subseksyen 60(1) Enakmen menyerahkan lesen tersebut kepada Pengarah melalui permohonan dalam Borang 7E Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar untuk permohonan bagi menyerahkan lesen-lesen berkenaan di bawah subperaturan (1) adalah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

*Bab 6 — Pajakan Melombong***Permohonan pajakan melombong**

41. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu pajakan melombong di bawah subseksyen 63(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8A Jadual Ketiga.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu pajakan melombong hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam subperaturan (1) Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

42. Jika sesuatu permohonan bagi suatu pajakan melombong di bawah subperaturan 41(1) telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Penukaran skala besar kepada skala kecil dan sebaliknya

43. (1) Tertakluk kepada subseksyen 63(10) dan (11) Enakmen, sesuatu permohonan bagi penukaran suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil atau penukaran suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil kepada suatu pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala besar hendaklah dibuat dalam Borang 8c atau 8d Jadual Ketiga mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Suatu permohonan bagi penukaran di bawah subperaturan (1) tersebut hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Pembayaran fi

44. Fi yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu pajakan melombong di bawah perenggan 63(12)(a) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembaharuan pajakan melombong

45. (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu pajakan melombong di bawah subseksyen 66(3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8b Jadual Ketiga.

(2) Suatu permohonan bagi pembaharuan di bawah subperaturan (1) tersebut hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat di bawah subseksyen 66(10) Enakmen seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan ke atas permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) selepas tempoh minima untuk memperbaharui lesen melombong telah habis tempoh seperti mana yang diperuntukkan di dalam subseksyen tersebut.

Syarat-syarat berkanun pajakan melombong

46. (1) Pemegang suatu pajakan melombong menurut perenggan 72(1)(b) Enakmen—

- (a) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan laporan kemajuan suku tahunan seperti yang ditetapkan dalam Format 6 Jadual Keempat pada penghujung setiap suku suatu tahun kalendar; dan
- (b) hendaklah mengemukakan kepada Pengarah, lima salinan suatu laporan kerja tahunan seperti yang ditetapkan dalam Format 7 Jadual Keempat pada atau sebelum tarikh ulang tahun pajakan melombong.

(2) Pemegang suatu pajakan melombong hendaklah di bawah perenggan 72(1)(d) Enakmen patuh dengan standard alam sekitar yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 [Akta 127].

Kelulusan

47. Jika suatu permohonan bagi penukaran di bawah peraturan 43 telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Notis-notis

48. (1) Notis bagi permulaan kerja pembangunan dan perlombongan di bawah seksyen 74 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8E Jadual Ketiga.

(2) Notis yang perlu disampaikan atau menyebabkan ia disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas semua pihak yang dirujuk di bawah subseksyen 76(2) dan (3) Enakmen tentang niatnya untuk melucuthakkan pajakan melombong hendaklah dibuat dalam Borang 8F Jadual Ketiga.

(3) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran di bawah perenggan 77(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 8G Jadual Ketiga.

Penyerahan pajakan melombong

49. (1) Pemegang suatu pajakan melombong boleh pada bila-bila masa di bawah subseksyen 80(1) Enakmen menyerahkan pajakan berkenaan kepada Pengarah melalui permohonan dalam Borang 8H Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi permohonan di bawah subperaturan (1) berkenaan hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

*Bab 7 — Lesen Melombong Tuan Punya***Permohonan lesen melombong tuan punya**

50. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen melombong tuan punya di bawah subseksyen 81(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9A Jadual Ketiga.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen melombong di bawah subperaturan (1) tuan punya hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

51. Jika sesuatu permohonan bagi suatu lesen melombong di bawah subperaturan 50(1) tuan punya telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Pembayaran fi

52. Fi yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen melombong tuan punya di bawah subseksyen 81(10) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembaharuan lesen melombong tuan punya

53. (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu lesen melombong tuan punya di bawah perenggan 82(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9B Jadual Ketiga.

(2) Suatu permohonan bagi pembaharuan di bawah subperaturan (1) berkenaan hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

(3) Fi pengemukaan lewat di bawah subperaturan 66(10) Enakmen seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenakan ke atas permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) selepas tempoh minima untuk memperbaharui lesen melombong tuan punya telah habis tempoh seperti mana yang diperuntukkan di dalam subseksyen tersebut.

Notis-notis

54. (1) Notis yang perlu disampaikan atau menyebabkan ia disampaikan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas semua pihak yang dirujuk di bawah subseksyen 83(2) dan (3) Enakmen tentang niatnya untuk membatalkan lesen berkenaan hendaklah dibuat dalam Borang 9c Jadual Ketiga.

(2) Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran di bawah perenggan 84(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 9D Jadual Ketiga.

Penyerahan lesen melombong tuan punya

55. (1) Pemegang suatu lesen melombong tuan punya boleh pada bila-bila masa di bawah subseksyen 87(1) Enakmen menyerahkan lesen berkenaan kepada Pengarah melalui permohonan dalam Borang 9E Jadual Ketiga.

(2) Fi yang kena dibayar bagi permohonan di bawah subperaturan (1) untuk menyerahkan lesen berkenaan hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN III**PAMPASAN****Permohonan pampasan**

56. Bagi maksud subseksyen 92(6) Enakmen, permohonan bagi penentuan amaun pampasan hendaklah dibuat dalam Borang 10A Jadual Ketiga.

Penentuan amaun pampasan yang kena dibayar

57. (1) Menurut subseksyen 92(7) Enakmen dan apabila pembayaran fi yang kena dibayar dalam Jadual Pertama dibuat, Pengarah hendaklah menetapkan suatu perbincangan dan memberitahu pihak-pihak yang terlibat mengenai perbincangan dalam Borang 10c Jadual Ketiga.

(2) Tertakluk kepada peraturan ini, Pengarah hendaklah mempunyai semua kuasa seorang Majistret bagi memanggil dan memeriksa saksi-saksi atas sumpah dan ikrar dan bagi memaksa pengemukaan dan penyerahan dokumen-dokumen hakmilik dan dokumen-dokumen relevan lain.

(3) Dalam menjalankan suatu perbicaraan di bawah peraturan ini, Pengarah—

- (a) hendaklah menentukan amaun pampasan yang kena dibayar, sekiranya ada; dan
- (b) hendaklah menyebabkan sesalinan keputusan dihantar kepada setiap pihak yang terjejas.

BAHAGIAN IV

OBLIGASI KEWANGAN

Kadar fi pegangan dan sewa

58. Kadar fi pegangan dan sewa yang kena dibayar di bawah subseksyen 94(2) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Pembayaran fi pegangan dan sewa

59. Dalam menjalankan subseksyen 94(3) Enakmen:

- (a) suatu fi pegangan tahunan atau sewa dan setiap tahun selepasnya, seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama, hendaklah dibayar kepada Pengarah sebelum pengeluaran lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong;
- (b) fi pegangan atau sewa yang berkenaan dengan mana-mana kawasan yang dilesenkan atau dipajakkan hendaklah kena dibayar daripada permulaan tahun kalendar dalam mana lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong yang berkenaan dikeluarkan, atau, jika lesen atau pajakan berkenaan dikeluarkan selepas penghujung bulan September ia hendaklah kena dibayar daripada permulaan tahun kalendar berikutnya;
- (c) fi pegangan atau sewa yang kena dibayar berkenaan dengan mana-mana tahun kalendar hendaklah patut dibayar dengan penuh pada hari pertama tahun berkenaan dan, jika tidak dibayar segera, hendaklah dianggap bagi tujuan peraturan ini sebagai menjadi tertunggak pada hari pertama bulan Jun dalam tahun tersebut; dan
- (d) fi pegangan atau sewa hendaklah kena dibayar bagi keseluruhan tahun kalendar dalam mana tempoh lesen mencarigali atau lesen penjelajahan atau pajakan melombong tamat.

Kadar royalti

60. Dalam menjalankan subseksyen 95(2) Enakmen, kadar royalti yang kena dibayar ke atas mana-mana mineral yang didapati hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Penentuan nilai pasaran mineral

61. (1) Kaedah bagi menentukan nilai pasaran suatu mineral hendaklah berdasarkan atas—

- (a) hasil jualan yang diperolehi oleh pemegang tenemen mineral; atau
- (b) rujukan kepada harga bulanan bagi mineral yang ditentukan oleh Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Negeri; atau
- (c) rujukan kepada siri-siri harga yang diterbitkan bagi mineral yang diiktiraf dan digunakan secara meluas oleh masyarakat perlombongan antarabangsa sebagai harga rujukan.

(2) Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menentukan kaedah mana yang akan terpakai bagi menentukan nilai pasaran berkenaan dengan setiap mineral.

Pembayaran royalti

62. (1) Pemegang suatu tenemen mineral, yang dikehendaki di bawah Enakmen membayar royalti berdasarkan nilai mineral, hendaklah menjual atau memindahmilikan mineral yang dikeluarkan pada harga-harga yang mencerminkan keadaan-keadaan pasaran dunia dan bersesuaian dengan amalan-amalan perusahaan melombong komersial.

(2) Pemegang suatu tenemen mineral hendaklah dalam tempoh tujuh hari selepas tamat setiap bulan, mengemukakan kepada Pengarah royalti-royalti dan suatu laporan bagi bulan kalender terdahulu yang menunjukkan dengan lengkap butir-butir yang diperlukan untuk mengira royalti-royalti tersebut, termasuk mana yang berkenaan—

- (i) kuantiti mineral;
- (ii) terma-terma dan pihak-pihak lain yang terlibat, mengenai apa-apa penjualan, pemindahmilikan, penghantaran atau lain-lain pelepasan mineral tersebut;
- (iii) nilai pasaran mineral;
- (iv) kaedah pengiraan nilai pasaran mineral termasuk butir-butir mengenai apa-apa kos yang ditolak untuk mengira nilai pasaran; dan
- (v) melapor apa-apa transaksi, pemindahmilikan, persetujuan dan urusan yang melibatkan syarikat-syarikat yang bergabung berserta dengan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan.

Notis tuntutan tunggakan sewa, fi dan royalti

63. Jika apa-apa fi, sewa atau royalti yang kena dibayar di bawah Bahagian VII Enakmen menjadi tertunggak, Pihak Berkuasa Negeri hendaklah menyampaikan atau menyebabkan ia disampaikan kepada pemegang tenemen mineral yang berkenaan di bawah subseksyen 98(1) Enakmen—

- (a) suatu notis bagi menuntut tunggakan fi pegangan dalam Borang 11A Jadual Ketiga;
- (b) suatu notis bagi menuntut tunggakan sewa tanah dalam Borang 11B Jadual Ketiga; dan
- (c) suatu notis bagi menuntut tunggakan royalti dalam Borang 11c Jadual Ketiga.

BAHAGIAN V
PERUNTUKAN MENGENAI AIR

Permohonan lesen air

64. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen air di bawah subseksyen 100(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12A Jadual Ketiga.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu lesen air di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

65. Jika sesuatu permohonan bagi suatu lesen air di bawah subperaturan 64(1) telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Pembayaran fi

66. Fi yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu lesen air di bawah subseksyen 100(5) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan permit air

67. (1) Sesuatu permohonan bagi suatu permit air di bawah subseksyen 101(1) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12B Jadual Ketiga.

(2) Sesuatu permohonan bagi suatu permit air di bawah subperaturan (1) hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

68. Jika sesuatu permohonan bagi suatu permit air di bawah subperaturan 67(1) telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Penguasa Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Pembayaran fi

69. Fi yang kena dibayar bagi pengeluaran suatu permit air di bawah subseksyen 101(2) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan bagi pembaharuan permit air

70. (1) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu permit air di bawah perenggan 101(3)(a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12B Jadual Ketiga.

(2) Sesuatu permohonan bagi pembaharuan di bawah subperaturan (1) tersebut hendaklah direkodkan apabila pembayaran fi yang kena dibayar seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dibuat.

Kelulusan

71. Jika sesuatu permohonan bagi pembaharuan suatu permit air di bawah subperaturan 70(1) telah sama ada diluluskan atau ditolak oleh Penguasa Lombong, pemohon hendaklah diberitahu secara bertulis dengan seberapa segera yang praktik tentang keputusan tersebut.

Notis

72. Notis yang menyatakan tindakan yang perlu diambil bagi meremedikan suatu kemungkiran atau pelanggaran di bawah perenggan 106(1)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12c Jadual Ketiga.

Permohonan pampasan

73. Sesuatu permohonan bagi pampasan di bawah subseksyen 110(3) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 10A Jadual Ketiga.

Penentuan pampasan

74. Dalam menentukan amaun pampasan yang kena dibayar di bawah subseksyen 110(3) Enakmen, Pengarah atau Penguasa Lombong, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah tertakluk kepada prosedur yang ditetapkan di bawah Bahagian III Peraturan-peraturan ini.

Permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing sungai

75. (1) Sesuatu permohonan untuk mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai di bawah subseksyen 111(2) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12D Jadual Ketiga.

(2) Fi permohonan untuk kebenaran di bawah subperaturan (1) bagi mengubah atau mengganggu tebing mana-mana sungai hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Permohonan untuk mengubah atau mengganggu anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter

76. (1) Sesuatu permohonan untuk kebenaran bagi mengubah atau mengganggu tebing mana-mana anak sungai atau alur air yang lebarnya tidak melebihi lima meter di antara tebing-tebingnya di bawah subseksyen 111(4) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 12E Jadual Ketiga.

(2) Fi permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Standard air

77. Dalam menjalankan subseksyen 113(1) Enakmen, pemegang suatu tenemen mineral yang menggunakan air berkaitan dengan pengendalian perlombongan hendaklah patuh kepada standard-standard alam sekitar yang ditetapkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 [*Akta 127*].

BAHAGIAN VI

MEREKOD DAN PENDAFTARAN

Fi-fi pengeluaran

78. Fi-fi yang kena dibayar di bawah subseksyen 116(3) Enakmen hendaklah juga dikenali sebagai fi-fi pengeluaran seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Akuan penerimaan

79. Akuan penerimaan di bawah seksyen 121 Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13A Jadual Ketiga.

Fi pemeriksaan

80. Fi pemeriksaan bagi mana-mana daftar suatu tenemen mineral dan lesen air dan permit air di bawah seksyen 125 Enakmen, selain daripada suatu pajakan melombong, hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

BAHAGIAN VII

PEMULIHAN

Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong

81. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Lombong di bawah perenggan 128(1)(a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13B Jadual Ketiga.

Pembayaran sejumlah wang tahunan ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

82. (1) Sejumlah wang tahunan yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah perenggan 129(4)(b) Enakmen hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

(2) Dalam menjalankan subseksyen 129(11) Enakmen, sejumlah wang di atas hendaklah kena dibayar kepada Pihak Berkuasa Negeri sebelum pengeluaran suatu pajakan melombong dan pada atau sebelum setiap tarikh ulang tahun pajakan melombong yang telah dikeluarkan.

Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama

83. Notis tuntutan bagi sejumlah wang yang kena dibayar ke dalam Kumpulan Wang Pemulihan Bersama di bawah perenggan 130(1)(a) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 13c Jadual Ketiga.

BAHAGIAN VIII

AM

Pergerakan bijih mineral

84. (1) Dalam menjalankan perenggan 165(1)(f) Enakmen, pemilik apa-apa bijih mineral yang didapati daripada tanah yang dipegang di bawah pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen penjelajahan atau lesen mencarigali hendaklah menyimpan satu buku akaun pengeluaran dalam mana dia hendaklah membuat rekod sebenar pada penutup setiap hari mengenai butir-butir berikut:

- (a) berat kasar bijih yang disimpan di lombongnya;
- (b) berat bijih kering bersih yang dikeluarkan daripada tanah;
- (c) berat kasar bijih yang dijual; dan
- (d) berat kasar bijih yang dimiliki olehnya dan disimpan di tempat lain.

(2) Buku-buku tersebut hendaklah tidak dimusnahkan sehingga suatu selang masa dua (2) tahun, selepas berakhirnya tahun semasa apabila kemasukan terakhir dibuat, telah tamat.

(3) Bijih mineral yang didapati di bawah suatu lesen mendulang atau lesen melombong individu hendaklah diiringi dengan lesen-lesen di bawah mana ia didapati apabila ia dialih, diangkut, dihantar atau dieksport.

(4) Bijih mineral yang didapati daripada tanah di bawah pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencarigali atau lesen penjelajahan hendaklah diiringi dengan suatu dokumen perjalanan, seperti yang ditetapkan dalam Borang 13D Jadual Ketiga, yang dikeluarkan oleh pemegang pajakan melombong, lesen melombong tuan punya, lesen mencarigali atau lesen penjelajahan serta mengandungi maklumat berkaitan dengan pemilik, butiran bijih mineral, butir-butir pengangkutan, destinasi dan orang yang menerima penghantaran.

Kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun

85. (1) Tertakluk kepada subseksyen 174(1) Enakmen, setiap orang boleh dikompaunkan kerana pelanggaran atau kegagalan mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen 150 hingga 164 Enakmen.

(2) Suatu notis memaklumkan niat untuk mengkompaunkan apa-apa kesalahan hendaklah dibuat dalam Borang 14A Jadual Ketiga oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

(3) Berikutan dengan pengeluaran notis berkenaan, suatu tawaran mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 14B Jadual Ketiga oleh Pengarah atau Timbalan Pengarah dengan perakuan bertulis Pegawai Pendakwa Raya.

(4) Penerimaan tawaran mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 14c Jadual Ketiga.

(5) Jika sesuatu tawaran mengkompaun telah dibuat dan diterima, pembayaran hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam bentuk tunai, kiriman wang, wang pos atau deraf bank yang kena dibayar kepada Pengarah.

(6) Jika amaun yang dinyatakan di dalam tawaran mengkompaun tidak dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dalam tawaran, atau apa-apa perlanjutan tempoh yang Pengarah boleh berikan, pendakwaan ke atas kesalahan hendaklah dijalankan dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

Pemindahan jentera pengorek

86. Dalam menjalankan subseksyen 185(1) Enakmen:

- (a) untuk tujuan mendapatkan suatu lesen bagi memindahkan jentera pengorek, permohonan bagi suatu siasatan hendaklah dibuat dalam Borang 10B Jadual Ketiga;
- (b) fi permohonan bagi suatu siasatan hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama;
- (c) fi untuk pengeluaran suatu lesen bagi memindahkan jentera pengorek hendaklah seperti yang ditetapkan dalam Jadual Pertama.

Notis mengenai siasatan

87. Notis mengenai siasatan dan notis tambahan lain di bawah perenggan 186(3)(b) Enakmen hendaklah dibuat dalam Borang 10c Jadual Ketiga.

Pemansuhan dan peralihan

88. (1) The Mining Rules, 1950 [*Tr. G.N. 418/14.9.1950*] dimansuhkan.

(2) Tiada apa-apa pun dalam peraturan ini boleh mentaksahkan mana-mana lesen, permit, hak, keistimewaan atau kebenaran lain yang diberikan dengan sah di bawah peraturan termansuh dan lesen, permit, hak, keistimewaan atau kebenaran lain itu hendaklah terus berkuat kuasa dan disifatkan sebagai telah dikeluarkan di bawah peraturan ini.

(3) Mana-mana orang yang, sebelum sahaja mula berkuat kuasa peraturan ini, memegang apa-apa jawatan yang perlantikannya boleh dibuat di bawah peraturan ini hendaklah kekal dalam jawatan itu, dan disifatkan bagi maksud peraturan ini telah dilantik sedemikian.

JADUAL PERTAMA
ENAKMEN MINERAL (TERENGGANU) 2002
PERATURAN-PERATURAN MINERAL (TERENGGANU) 2005
FI-FI/ROYALTI

<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peruntukan Peraturan-peraturan yang berkaitan</i>	<i>Borang Berkaitan</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Pelesenan: Permohonan baru/ Permohonan pembaharuan—			
	(a) Lesen Memfosik	7(3)	2	10.00
	(b) Lesen Mendulang	12(3)	3	20.00
	(c) Lesen Melombong Individu	17(3)	4	30.00
	(d) Lesen Mencarigali	26(2) & 32(2)	5A & 5B	300.00
	(e) Lesen Mencarigali dengan Peluasan Batuan Keras	34(2)	5C	300.00
	(f) Lesen Penjelajahan	26(2) & 32(2)	6A & 6B	500.00
	(g) Pajakan Melombong	41(2) & 45(2)	8A & 8B	500.00
	(h) Lesen Melombong Tuan Punya	50(2) & 53(2)	9A & 9B	200.00
	(i) Lesen Air	64(2)	12A	50.00
	(j) Permit Air	67(2)	12B	50.00
2.	Pelesenan: Pengeluaran/ Penyediaan/Pelanjutan/ Pembaharuan—			
	(a) Lesen Memfosik	9		15.00 setiap bulan
	(b) Lesen Mendulang	14		30.00 setiap bulan


<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Peruntukan Peraturan-peraturan yang berkaitan</i>	<i>Borang Berkaitan</i>	<i>Fi (RM)</i>
(c)	Lesen Melombong Individu	19		50.00 setiap bulan
(d)	Lesen Mencarigali	28(1) & 37(1)		300.00
